

Tentang PRULink Managed Fund II (PMF II)

A. Kemas kini strategi pelaburan

PRULink Managed Fund II (PMF II) melabur ke dalam ekuiti tempatan dan sekuriti pendapatan tetap. Untuk terus memberikan nilai kepada pelaburan anda di samping menggalakkan pengurusan dana yang mampan, kami akan memperkasakan strategi pelaburan semasa **PRULink Managed Fund II**, yang kini melabur melalui **PRULink Equity Fund (PEF)** bagi pendedahan ekuiti.

Kini, kami akan turut menjadikan **PRULink Strategic Fund (PSF)** sebagai dana tambahan bagi pelaburan ekuiti. Kami percaya strategi pelaburan **PRULink Managed Fund II** yang diperkasakan boleh menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik, kerana strategi pelaburan PSF difokuskan bukan sahaja kepada syarikat yang terkemuka malah syarikat yang sedang meningkat.

Oleh itu, tiada tindakan yang perlu anda ambil. Harap maklum.

B. Pilihan dana baharu untuk penyaluran premium

Walau bagaimanapun, anda boleh memberikan arahan kepada kami berkenaan ke mana premium berulang anda hendak dilaburkan. Anda boleh mendapatkan senarai dana lain dengan merujuk Jadual 3 Polisi anda. Kami juga telah menyediakan satu dana baharu iaitu **PRULink Managed Plus Fund (PMPF)** yang turut merangkumi pelaburan asing, sebagai satu usaha untuk mempelbagaikan pelaburan di samping menjadi dana tambahan yang tersedia untuk menyalurkan premium berulang anda.

Maklumat penting berkenaan dana baharu adalah seperti berikut:

Jenis Dana Ekuiti	Nama Dana	Objektif dan Strategi Utama
Pendedahan kepada ekuiti tempatan dan asing	PRULink Managed Plus Fund (PMPF)	<ul style="list-style-type: none">• Mampu menyertai kedua-dua pasaran ekuiti tempatan dan asing sebagai tambahan kepada sekuriti pendapatan tetap tempatan.• Mampu memanfaatkan peluang pelaburan global yang luas, berbanding pasaran ekuiti tempatan.• Mampu mempelbagaikan risiko dari negara tertentu.

Anda boleh menyalurkan premium berulang ke **PRULink Managed Plus Fund (PMPF)** dengan:

- Mengambil langkah berpandukan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Melengkapkan borang yang diterima berserta surat bercetak

Selain itu, anda boleh menghubungi ejen perkhidmatan/wakil bank untuk menyalurkan pelaburan pilihan anda ke dana lain.

Sekiranya kami tidak menerima arahan untuk menyalurkan premium berulang anda selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022, pelaburan premium berulang anda akan kekal di bawah **PRULink Managed Fund II**.